

**NO. SOALAN : 124**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATIN MASTURA BINTI TAN SRI  
DATO' MOHD YAZID  
[ KUALA KANGSAR ]**

**SOALAN :**

**YB. Datin Mastura Binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah cara Kementerian membantu mempromosikan destinasi pelancongan negeri-negeri setelah penutupan kesemua pejabat/pusat pelancongan di seluruh negara.

**JAWAPAN :      DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penutupan pejabat-pejabat negeri Tourism Malaysia tidak akan menjejaskan kemajuan industri pelancongan negara. Tourism Malaysia akan menutup 10 pejabat negeri dan mewujudkan 4 pejabat wilayah seperti berikut :

- i. Wilayah Tengah di Kuala Lumpur  
(Meliputi : Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan);
- ii. Wilayah Utara di Pulau Pinang  
(Meliputi : Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis);
- iii. Wilayah Selatan di Johor  
(Meliputi : Johor dan Melaka); dan
- iv. Wilayah Pantai Timur di Pahang  
(Meliputi : Pahang, Kelantan dan Terengganu)

Bagi Sabah dan Sarawak, kedua-dua Pusat Penerangan Pelancongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Kuching akan diperbesarkan dan bertindak sebagai "mini Tourism Malaysia". Tourism Malaysia akan juga mengekalkan Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) di negeri-negeri seperti sedia ada.

Fungsi pejabat-pejabat wilayah Tourism Malaysia adalah seperti berikut :

- i. Menguruskan kesemua Pusat Penerangan Pelancongan di setiap negeri;
- ii. Bertindak sebagai sudut rujukan/ nasihat kepada penggiat industri pelancongan seperti hotel, agensi pelancongan, pengusaha produk pelancongan dan persatuan-persatuan pelancongan dalam kempen promosi pelancongan;
- iii. Mengkordinasi aktiviti promosi pelancongan domestik berdasarkan program yang diusahakan oleh ibu pejabat;
- iv. Membantu segala inisiatif kajian-kajian berkaitan pelancongan yang dibuat oleh Tourism Malaysia dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; dan
- v. Mengemaskini segala inventori produk-produk pelancongan di setiap negeri agar dapat diwujudkan pakej-pakej dan dipromosikan.

Sekian, terima kasih.